
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2006/2007

Jun 2007

HSC 224 – SEJARAH ASIA TIMUR

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan yakni DUA soalan daripada bahagian A dan DUA soalan daripada bahagian B.

Bahagian A

1. Bincangkan pengaruh Kungfuzeisme dalam pemerintahan dan kehidupan masyarakat di China dan Jepun sehingga kurun ke-19 Masihi.
2. “Jepun adalah budaya yang mengutamakan tentera dan ketenteraan manakala China adalah budaya yang mementingkan sarjana dan kesarjanaan”. Nilaikan pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan sehingga kurun ke-18 Masihi.
3. “China telah mempengaruhi Jepun dalam segala hal. Sejarah feudalisme Jepun juga benar-benar menyerupai sejarah feudalisme di China”. Bahaskan.
4. “Budaya China dan Jepun tradisional memandang rendah terhadap wanita. Akibatnya, wanita tidak pernah berupaya mempengaruhi perkembangan sejarah di kedua-dua negara tersebut sebelum kurun ke-19”. Ulaskan.

Bahagian B

5. “Zaman Ch’un Ch’iu dan Chan Kuo (770 SM - 221 SM) dan zaman antara Han dan Sui (220M - 589M) adalah zaman perpecahan politik dan keruntuhan tamadun di China. Tiada perkembangan positif berlaku di China dalam kedua-dua tempoh itu”. Nilaikan.
6. Bincangkan peranan wangsa Ch’in dan Sui dalam pembentukan negara dan budaya China sebelum kurun ke-8 Masihi.
7. “Orang bukan Cina di China sentiasa dikuasai oleh orang Cina. Mereka tidak pernah menyumbang kepada keutuhan tamadun dan politik negara China”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
8. “Orang Jepun menganggap Maharaja mereka berasal daripada keturunan Dewi Matahari. Ini menyebabkan kedudukan dan kuasa Maharaja Jepun mutlak dan tidak pernah diganggu”. Bahaskan dengan merujuk kepada tempoh dari kurun ke-9 hingga kurun ke-19 Masihi.